

**Muhyiddin Puji Hospital Pantai Yang Menubuhkan Pusat Jantung  
Bernama  
14 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin memuji Hospital Pantai di sini yang telah menubuhkan pusat jantung untuk memberi rawatan dan penjagaan kesihatan terhadap mereka yang menghidap penyakit kardiovaskular.

Katanya beliau difahamkan pusat itu akan memberikan perkhidmatan komprehensif dan bertindak sebagai "pusat sehati" untuk diagnosis dan rawatan bagi semua penyakit berkaitan kardiovaskular.

"Inovasi dan komitmen untuk menawarkan prosedur terkini seumpama itu amat diperlukan dan akan membawa Malaysia lebih hampir ke matlamat menyediakan penjagaan kesihatan bertaraf dunia untuk rakyat," katanya semasa melancarkan Pusat Jantung Hospital Pantai Kuala Lumpur (PHKL) di sini Selasa.

Muhyiddin berkata peningkatan jumlah penyakit kardiovaskular (CVD) di negara ini kini amat membimbangkan kerana ia kekal menjadi pembunuh utama lelaki dan wanita.

Beliau berkata pada 2008, terdapat 2,851 kes CVD dilaporkan iaitu 704 wanita dan 2,147 lelaki.

Daripada jumlah itu, 168 adalah berumur bawah 40 tahun; 1,345 (41-60 tahun); 1,238 (60-80 tahun) dan 100 (berumur 80 dan ke atas).

--BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=613277>